

04 OCT 1998

Mohamed-MT

SAYA SEDIA DEDAHKAN NAMA-NAMA BAHAGIAN KEPADA MT, KATA MOHAMED

JOHOR BAHRU, 4 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata beliau bersedia untuk mendedahkan nama bahagian-bahagian Umno yang didakwa dipergunakan untuk menjatuhkan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Selasa ini.

"Andai kata MT perlukan penjelasan daripada saya mengenai apa yang didedahkan itu, saya bersedia memberi keterangan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri "Majlis Bersama Rakyat" di Kampung Serantau Baru, di sini hari ini.

Mohamed, yang juga anggota MT, berkata beliau tidak mahu mendedahkan secara terbuka bahagian-bahagian Umno yang terlibat kerana adalah tidak wajar perkara itu dijadikan sebagai satu "perbicaraan oleh media".

Ketika ditanya sama ada presiden parti telah memintanya untuk menjelaskan dakwaan itu, Mohamed berkata: "PM tidak panggil saya. Saya bersedia (untuk beri penjelasan)... demi kepentingan parti saya bersedialah. Saya terpaksa menjadi ahli yang bertanggungjawab."

Mohamed berkata dengan maklumat-maklumat yang ada padanya, beliau akan mendedahkan perkara itu sekiranya MT memohon beliau berbuat demikian.

Menurutnya Perdana Menteri juga telah menyatakan di Kedah dua hari lalu bahawa ada kebenaran tentang usaha menjatuhkannya.

Mohamed berkata seperti yang dinyatakan di Pulau Pinang, Jumaat lepas, beliau sanggup "musnah" kerana pendedahan yang hendak dibuat itu.

"Kita kena cakap benar. Saya fikir ahli parti hari ini mesti berani cakap benar. Jangan kita hipokrit... jangan depan cakap lain belakang cakap lain. Ini rosak parti," katanya.

Ahli parti mesti berani cakap daripada sudut yang benar, katanya.

Pada 28 Sept lepas, Mohamed berkata terdapat 90 bahagian Umno yang dipergunakan untuk menjatuhkan Dr Mahathir sebagai presiden parti.

Beliau mendakwa ada di kalangan pemimpin di peringkat bahagian berkenaan dibayar elaun antara RM5,000 dan RM10,000 manakala ada bahagian disediakan peruntukan antara RM1 juta dan RM2 juta bagi menjalankan kegiatan subversif dalam parti.

Berikutan itu, beberapa pemimpin parti telah mendesak supaya Mohamed mengemukakan bukti terhadap kenyataannya itu kerana tanpa maklumat dikhuatiri akan menimbulkan syak wasangka di kalangan ahli.

-- BERNAMA

MKO NAK